



## YADIM dan UMP jayakan Jejak Menara



Hampir 1,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mengikuti program Jejak Menara 2014 peringkat negeri Pahang anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Timur dengan kerjasama UMP pada 23 Mac yang lalu.

Program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar lepasan sekolah untuk mendapatkan pendedahan awal termasuk cara permohonan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Dr. Asyraf Wajdi Dato' Haji Dusuki berkata, Program Jejak Menara ini merupakan siri kelapan daripada 14 lokasi yang akan dijalankan di seluruh Malaysia.

"Program sehari ini adalah sebagai pembakar semangat untuk pelajar sentiasa bersemangat dalam pelajaran dan beristiqamah serta berdisiplin dengan pelajaran. Malahan, untuk menjadi pelajar cemerlang bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik malah perlu aktif dalam bersatu-satua dan kesukarelawan untuk membina jati diri," katanya dalam majlis perasmian program Jejak Menara Pahang yang berlangsung di Dewan Astaka UMP, Gambang.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung. Antaranya ialah taklimat kursus dan kerjaya sebagai pendedahan awal peserta sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada masa yang sama turut diadakan ceramah motivasi bersama Ikon Jejak Menara YADIM, iaitu personaliti artis, Fadzli (UNIC), Idzhar (NowseeHeart) dan Liea Az Zahra manakala, program pada sebelah petangnya adalah Sesi Perkongsian Pengalaman Bersama Fasilitator YADIM.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir dalam program berkata, beliau amat bangga dan bersyukur kerana UMP dapat sama berperanan sebagai rakan kongsi dalam menjayakan program anjuran pihak YADIM ini.

"Program ini dapat memberi pendedahan mengenai cabaran pengajian di menara gading dan pemilihan kampus UMP sebagai lokasi Jejak Menara kali ini merupakan satu pilihan yang tepat. Kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi kini menawarkan pelbagai program pengajian daripada sijil hinggalah ijazah kedoktoran perlu didedahkan untuk memberi pemahaman kepada para lepasan sekolah untuk menyambung pengajian," katanya.

Tambah beliau, walaupun teknologi

internet membolehkan para pelajar meneroka sendiri maklumat akademik secara atas talian, namun perlu diakui juga tidak semua pelajar berkeupayaan berbuat demikian, apatah lagi bagi mereka yang tinggal di pedalaman serta kekurangan pula dari segi sosioekonomi dan literasi ICT.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah, YB Dato' Syed Ibrahim Syed Ahmad. Dalam ucapannya, beliau mengharapkan para pelajar mengambil peluang dalam program ini dengan sebaik mungkin.

Beliau turut menyeru kepada semua pelajar agar bangkit untuk terus menuntut ilmu kerana dengan hanya ilmu yang dapat mengangkat martabat pelajar sekalian serta berbakti kepada ibu bapa dan negara.

Peserta program yang merupakan pelajar lepasan MRSM Tun Abdul Razak, Nurul Nur Izzatul Izzaty M Yazid, 18, berkata, program sebegini sememangnya dinantikan bagi membolehkannya mendapatkan bimbingan dan panduan untuk melanjutkan pengajian di IPT. Malah, dengan berkomunikasi secara terus dengan fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa UMP ini dapat berkongsi pengalaman hidup dan memberi pendedahan kepadanya tentang kehidupan sebagai mahasiswa suatu hari nanti.